

INSTRUMEN PENILAIAN KUALITI PENGAJARAN MENTI: ANALISIS FAKTOR PENGESAHAN

Nor'ain Mat Talha

Universiti Malaya
aintalha@gmail.com

Norazana Mohd Nor

Institut Aminuddin Baki

Nurul Aini Mudayat

Universiti Malaya

Zahari Ishak

UCSI University Kuala Lumpur

ABSTRAK

Artikel ini adalah berfokus untuk menentukan kesahan konstruk bagi kualiti pengajaran menti. Instrumen kualiti pengajaran diadaptasi daripada Matriks Bimbingan Guru yang digunakan oleh SISC+ semasa bimbingan dijalankan. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang mempunyai 4 subkonstruk iaitu Perancangan, Penyampaian, Penilaian dan Semakan. Sampel kajian terdiri daripada 261 guru yang dibimbing oleh SISC+ dari 5 buah negeri di Semenanjung Malaysia. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package For the Social Science (SPSS)* dan *Analysis of Moment Structures (AMOS)*. Analisis Faktor Pengesahan menunjukkan bahawa empat subkonstruk kualiti pengajaran menti yang diuji adalah sepadan dengan data kajian (RMSEA=0.062, CFI=0.972, CLI=0.963). Kesahan konvergen dan kebolehpercayaan komposit telah dipenuhi dalam kajian ini (muatan faktor > 0.5, AVE > 0.5, CR > 0.7). Oleh itu, instrumen ini adalah sah dan dipercayai kerana ia mampu mengukur kualiti pengajaran menti dengan baik.

Kata kunci: Analisis Pengesahan Faktor, Kesahan Konstruk, Mentor, Menti, SISC+, Kualiti Pengajaran, Matriks Bimbingan Guru

PENGENALAN

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menumpukan kepada usaha menambah baik pedagogi di bilik darjah dengan memberi bimbingan kepada guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran pedagogi guru yang berkesan mampu menepati keperluan murid untuk mendapat manfaat daripada sesi pengajaran dan pembelajaran. Bimbingan yang berkesan daripada pihak berkaitan dapat menghasilkan pengajaran yang berkualiti kerana guru yang berkualiti adalah guru yang menguasai pengetahuan pedagogi, kemahiran pertanyaan, kemahiran mentaksir (Hudson & Bird, 2015; Hudson, et al., 2009) dan kemahiran berkomunikasi (Dainton, 2000; Yang et al., 2016). Pengajaran yang berkualiti merupakan petunjuk utama bagi mengukur dengan tepat impak ke atas pencapaian murid (Adnot et al., 2016).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggariskan beberapa panduan dan bimbingan kepada guru termasuk mendokumentasikan pelan transformasi yang dikenali sebagai Pelan Transformasi Daerah (*District Transformation Program – DTP*). Melalui program DTP, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan program yang sistematik dan berkesan bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru. Kualiti pengajaran guru dalam kajian ini merujuk Matrik Bimbingan Guru (TCT) yang disarankan dalam dokumen DTP. Standard kualiti pengajaran dalam konteks kajian ini

melibatkan empat subkonstruk iaitu; (i) Perancangan, (ii) Penyampaian, (iii) Penilaian, dan (iv) Semakan. Subkonstruk Perancangan terdiri daripada tiga aspek iaitu; (i) objektif pembelajaran, (ii) perancangan, dan (iii) persediaan guru. Subkonstruk Penyampaian pula terdiri daripada lima aspek iaitu; (i) kemahiran berkomunikasi, (ii) tumpuan dan perhatian murid, (iii) pengurusan bilik darjah, (iv) penggunaan bahan bantu mengajar, dan (v) pengetahuan kandungan. Seterusnya, Subkonstruk Penilaian melibatkan 2 aspek iaitu; (i) penilaian secara lisan, dan (ii) penilaian secara bertulis. Akhir sekali, subkonstruk Semakan merangkumi 2 aspek iaitu; (i) kesimpulan pelajaran, dan (ii) refleksi pelajaran. Kesemua aspek ini penting bagi merangsang kepada pengajaran yang berkualiti dan berkesan sebagaimana yang terdapat dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia.

Kualiti pengajaran guru adalah antara faktor yang paling penting dalam memastikan keberhasilan murid. Strategi yang melibatkan sokongan kepada guru termasuklah aktiviti *coaching* (bimbingan) dan *mentoring* (pementoran). Bimbingan dan pementoran memberikan fokus terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah agar seiring dengan keperluan dan tuntutan dunia pendidikan semasa bagi meningkatkan prestasi pengajaran guru dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik murid (Amin & Othman, 2019). Sokongan dan bimbingan daripada pelbagai pihak adalah penting bagi memastikan peranan guru terus diperkasakan. Sokongan kepada guru dalam melonjakkan prestasi murid dan sekolah meningkatkan keluwesan dalam pengurusan dan menyediakan sokongan kepada daerah dan sekolah berdasarkan keperluan dan konteks (KPM, 2016).

Analisis faktor pengesahan instrumen penilaian kualiti pengajaran mentri adalah penting untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Analisis faktor pengesahan dalam kajian ini membantu memastikan instrumen ini benar-benar mengukur dimensi atau konstruk yang sepatutnya. Dengan melakukan analisis faktor pengesahan, sejauh mana instrumen dapat memberikan hasil yang konsisten juga dapat dinilai. Instrumen yang boleh dipercayai akan menghasilkan skor yang serupa jika digunakan dalam situasi yang sama pada masa yang berbeza (Hair, et al., 2010). Dengan adanya instrumen yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya, kajian ini dapat menyumbang kepada pengukuran kepada kualiti pengajaran mentri.

PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah empat faktor kualiti pengajaran sepadan dengan data kajian?
2. Adakah alat ukuran untuk kualiti pengajaran mempunyai kesahan konvergen dan kebolehpercayaan komposit?

TINJAUAN LITERATUR

Kualiti adalah ukuran untuk memenuhi keperluan pengguna atau memenuhi tujuan. Ia merangkumi ciri-ciri produk, perkhidmatan atau proses yang memenuhi piawaian yang ditetapkan. Kualiti harus memenuhi jangkaan dan keperluan pelanggan. Dalam konteks kajian ini guru yang dibimbing adalah dikategori sebagai pelanggan. Pengajaran dan pembelajaran adalah proses penting dalam pendidikan. Pengajaran adalah suatu tugas dan aktiviti kolaboratif yang dijalankan oleh guru dan pelajar. Ia dirancang secara sistematik dan teliti oleh guru untuk dilaksanakan dengan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai, membimbing, menggalakkan, dan memotivasikan pelajar untuk mengambil inisiatif untuk belajar, bagi memperoleh ilmu dan menguasai kemahiran yang diperlukan. Pengajaran yang berkualiti boleh ditentukan apabila pelajar dapat belajar dengan baik dan berkesan (Callahan & Clark, 1982).

Kualiti pengajaran guru dalam kajian ini merujuk kepada skor pencapaian (antara 1-3) dalam Matriks Bimbingan Guru (TCT) yang dibangunkan oleh KPM. Standard kualiti pengajaran dalam konteks kajian ini melibatkan empat subkonstruk yang terdiri daripada 12 aspek. Aspek ini merangkumi objektif pembelajaran, perancangan dan persediaan guru, kemahiran komunikasi, tumpuan dan perhatian pelajar, pengurusan bilik darjah, penggunaan bahan bantu mengajar, pengetahuan kandungan, penilaian lisan, penilaian bertulis, kesimpulan pelajaran, dan refleksi pelajaran.

Pengajaran dianggap berkesan apabila terdapat peningkatan yang konsisten dalam prestasi murid sejajar dengan objektif pengajaran selepas tempoh pengajaran tertentu (Stringer & Irwing, 1998). Kajian oleh pengkaji lalu seperti Batjo & Ambotang (2019) dan Mohd Adzhar & Mohd Radzi (2020) mendapati bahawa kecemerlangan murid amat berkait rapat dengan kualiti pengajaran guru. Ini memberikan gambaran mengenai kepentingan kualiti guru dalam memberi impak terhadap kemenjadian murid.

Maka adalah bertepatan dan wajar pihak KPM mewujudkan jawatan baharu dikenali sebagai SISC+ mulai 2014 dengan pelaksanaan program serupa merangkumi semua negeri di seluruh negara. Peranan utama SISC+ adalah untuk memberi latihan, bimbingan dan pementoran terutamanya kepada guru yang memerlukan pendedahan berterusan berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Melalui pelaksanaan program bimbingan dan pementoran ini, guru-guru yang memerlukan sokongan profesional dapat dibantu dengan didedahkan kepada konsep, idea, kaedah, teknik, strategi pengajaran yang terkini, iaitu menjurus kepada pembelajaran yang lebih bermakna.

Kualiti pengajaran mentri ini diukur berlandaskan 12 aspek yang terdapat dalam Matriks Bimbingan Guru. Matriks Bimbingan Guru adalah matriks yang perlu dilengkapkan oleh mentor selepas setiap kali bimbingan dijalankan. Bimbingan dijalankan sekurang-kurangnya sebanyak tiga kali menggunakan Standard 4 SKPM 2010: Standard Pembelajaran dan Pengajaran. Perincian subkonstruk dari aspek Standard 4 SKPM adalah seperti berikut:

Jadual 1: Pemetaan subkonstruk bagi aspek Matriks Bimbingan Guru dan Standard 4 SKPM

Subkonstruk	Aspek Matriks Bimbingan Guru	Aspek Standard 4 SKPM
Perancangan	Objektif Pembelajaran Rancangan Pengajaran Pengajaran Berasaskan Aktiviti	Perancangan dan Persediaan Guru Penglibatan Murid
Penyampaian	Komunikasi Tumpuan dan Perhatian Murid Pengurusan Bilik Darjah Bahan Bantu Mengajar Pengetahuan Kandungan	Kemahiran Berkomunikasi Kaedah Penyampaian Pengurusan Kelas Penggunaan Sumber Pendidikan Teknik Penyoalan Amalan Profesionalisme Keguruan
Penilaian	Penilaian Secara Lisan Penilaian Secara Bertulis	Penguasaan Isi Kandungan Penilaian
Semakan	Kesimpulan Pelajaran Refleksi Pengajaran	Penguasaan Pembelajaran Murid Hasil Kerja Murid

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk tinjauan (*survey*) di mana pengumpulan data dilakukan secara kuantitatif. Dalam reka bentuk tinjauan, penyelidik mendapatkan data daripada responden dengan menggunakan borang soal selidik.

Sampel Kajian

Seramai 261 orang responden menjawab soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 261 orang responden di mana 37.5% ($n = 98$) orang guru lelaki dan 62.5% ($n=163$) guru perempuan. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian yang dipilih secara rawak membolehkan pengkaji membuat generalisasi secara tepat berkenaan dengan sesuatu populasi yang dikaji (Neuman, 2002).

Instrumen Kajian

Dalam skop kajian, pengkaji menggunakan 12 aspek yang terdapat di dalam Matriks Bimbingan Guru. Matriks Bimbingan Guru adalah panduan yang digunakan oleh pakar pembimbing peningkatan sekolah bagi menilai guru yang dibimbing selepas bimbingan dijalankan. Matriks bimbingan yang digunakan dalam kajian ini adalah matriks bimbingan yang terdapat dalam Panduan Pengurusan Program Transformasi Daerah (KPM, 2015) bertepatan dengan Standard 4 SKPM 2010. Item yang terdapat di dalam matriks tersebut digunakan sebagai konstruk bagi menentukan kualiti pengajaran menteri. Aspek yang dimaksudkan adalah aspek objektif pembelajaran, perancangan dan persediaan guru, kaedah penyampaian, kemahiran berkomunikasi, tumpuan dan perhatian murid, pengurusan bilik darjah, penggunaan bahan bantu mengajar, pengetahuan kandungan, penilaian secara lisan, penilaian secara bertulis, kesimpulan pelajaran dan refleksi pelajaran.

Prosedur Kajian

Sebelum memulakan kajian, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan surat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), KPM bagi menjalankan kajian. Selepas mendapatkan surat kebenaran daripada EPRD, pengkaji kemudiannya memohon kebenaran secara bertulis kepada setiap Jabatan Pendidikan Negeri yang terlibat dalam penyelidikan ini. Soal selidik diedarkan kepada responden melalui pos. Satu set soal selidik beserta sampul surat yang berselem dan beralamat pengkaji dikirimkan kepada responden. Tempoh pengutipan data adalah selama 3 bulan.

Analisis Data Kajian


Pengkaji menggunakan perisian Pengaturcaraan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) dan *Analysis of Moment Structure* (AMOS) untuk menganalisis data. Analisis Faktor Pengesahan (CFA) digunakan dalam menguji kesahan konstruk. Beberapa Indeks Kesepadanan (*goodness of fit indices*) digunakan untuk menentukan kesepadanan sesebuah model. Kesahan konstruk ditentukan melalui kesahan konvergen. Seterusnya, kebolehpercayaan diperoleh berdasarkan kebolehpercayaan komposit, dan varian purata terekstrak.

DAPATAN

Kesepadanan Model Pengukuran Aras Kedua Kualiti Pengajaran Menti

Konstruk kualiti pengajaran mentee merupakan konstruk aras kedua. Rajah 1 menunjukkan empat subkonstruk bagi konstruk Kualiti Pengajaran Menti. Melalui Rajah 1, konstruk, sub konstruk atau komponen dan muatan faktor (*factor loading*) ditunjukkan. Daripada rajah tersebut, pengkaji mengakses hasil analisis kesahan dan kebolehpercayaan konstruk Kualiti Pengajaran Menti tersebut. Penganggaran model pengukuran terhadap item kepada empat subkonstruk dalam konstruk aras kedua kualiti pengajaran mentee iaitu: (1) perancangan, (2) penyampaian, (3) penilaian, dan (4) semakan menunjukkan indeks padanan model pengukuran adalah sepadan dengan data kajian.

Holmes, et al. (2006) dan Hair, et al. (2010) mencadangkan sekurang-kurangnya tiga jenis nilai kesepadanan iaitu *absolute fit*, *incremental fit* dan *parsimonious fit* bagi menentukan kesahan konstruk dan kesepadanan model. Bagi kategori *Absolute Fit*, kategori RMSEA adalah 0.062. Nilai 0.062 telah menepati nilai indeks kesepadanan iaitu nilai indeks kesepadanan bagi RMSEA adalah kurang 0.08. Begitu juga dengan kategori *Incremental Fit*. Dari kategori ini, nilai CFI telah mencapai 0.972. Nilai CFI ini telah mencapai nilai kesepadanan yang sepatutnya iaitu melebihi 0.90. Nilai kesepadanan dari kategori *Parsimonious Fit* diwakili oleh nilai Chisq/df. Nilai Chisq/df adalah 1.989. Ini menunjukkan nilai ini telah menepati indeks kesepadanan yang sepatutnya iaitu nilai Chisq/df adalah kurang daripada 3.0. Oleh itu, konstruk Kualiti Pengajaran Menti telah memenuhi syarat nilai indeks kesepadanan bagi tujuan kesahan konstruk model pengukuran (Afthanorhan et al., 2020; Awang, 2015; Sarwar et al., 2020).



Rajah 1: Keputusan CFA bagi konstruk aras kedua Kualiti Pengajaran Menti

Kesahan Konvergen dan Kebolehpercayaan Komposit Kualiti Pengajaran Menti

Bagi konstruk Kualiti Pengajaran Menti, kesahan konvergen dan komposit kebolehpercayaan perlu dinilai. Sebagaimana prosedur bagi menentukan kesahan konvergen dan komposit kebolehpercayaan bagi konstruk kualiti mentor, kesahan konvergen bagi konstruk kualiti pengajaran mentee ini ditentukan melalui nilai *Average Variance Extracted* (AVE). Hasil keputusan kesahan konvergen didapati nilai *Average Variance Extracted* bagi konstruk ini adalah melebihi nilai yang perlu dicapai iaitu melebihi 0.5 (0.854). Pengkaji juga melihat kesahan konvergen melalui nilai komposit kebolehpercayaan (*Composit Reliability-CR*). Didapati nilai kebolehpercayaan komposit bagi konstruk Kualiti Pengajaran Menti adalah

0.594 iaitu hampir kepada 0.6 iaitu nilai capaian yang perlu dicapai. Nilai *Average Variance Extracted* (AVE) dan Nilai *Composit Reliability* adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Nilai Average Variance Extracted (AVE) dan Composite Reliability (CR) bagi konstruk Kualiti Pengajaran Menti

Konstruk	Item	Pemberat Faktor	CR (0.6 ke atas)	AVE (0.5 ke atas)
Kualiti Pengajaran Menti	Perancangan	0.76	0.594	0.854
	Penyampaian	0.71		
	Semakan	0.81		
	Penilaian	0.80		
Perancangan	PR1	0.86	0.708	0.809
	PR2	0.89		
	PR3	0.77		
Penyampaian	PY1	0.83	0.632	0.895
	PY2	0.81		
	PY3	0.83		
	PY4	0.75		
	PY5	0.75		
Semakan	SM1	0.72	0.518	0.613
	SM2	0.72		
Penilaian	PN1	0.86	0.714	0.833
	PN2	0.83		

PERBINCANGAN

Kajian ini telah meneroka dan mengesahkan faktor kualiti pengajaran menti dalam kalangan guru. Analisis faktor pengesahan (CFA) telah mengesahkan bahawa terdapat empat faktor dalam konstruk kualiti pengajaran menti iaitu; (1) perancangan, (2) penyampaian, (3) penilaian, dan (4) semakan. Kajian ini telah mencapai kesepadanan model, kesahan konvergen dan kebolehpercayaan komposit dengan baik. Ini dapat dilihat dari nilai kesepadanan yang diperolehi bagi semua faktor Kualiti Pengajaran Menti yang memenuhi syarat nilai indeks kesepadanan.

Begitu juga dengan kesahan konvergen dan kebolehpercayaan yang dianalisis melalui nilai CR dan nilai AVE. Kebanyakan faktor mempunyai nilai yang tinggi dalam menentukan kesahan konvergen dan kebolehpercayaan. Faktor Penilaian merupakan faktor yang tertinggi dalam memperoleh nilai CR (0.714) manakala faktor Penyampaian merupakan faktor yang tertinggi dalam memperoleh nilai AVE > 0.5 (0.895). Nilai AVE > 0.5 adalah nilai kesahan konvergen yang tinggi (Fornell & Larcker, 1981). Ini menunjukkan instrumen ini boleh digunakan oleh pihak yang berkepentingan dalam mengukur kualiti pengajaran guru kerana telah mencapai kesepadanan model, mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Hasil kajian ini telah memberi implikasi terhadap kualiti instrumen yang boleh digunakan dalam bimbingan menti. Keempat-empat faktor ini memperkuat lagi kajian Poobalan et al.(2021) yang menyatakan terdapat lima dimensi iaitu *planning, delivery, assessment, review dan reflection* yang diperlukan oleh guru untuk meningkatkan profesionalisme dan seterusnya memberi impak ke atas pencapaian murid. Keempat-empat faktor ini perlu diberi keutamaan oleh mentor dan menti bagi mencapai tahap kualiti pengajaran yang optimum.

Seterusnya kajian ini juga memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu terutama dalam penilaian instrumen berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan dalam konteks pembangunan guru di Malaysia. Hasil kajian ini memberikan maklumat yang lebih tepat dan kebolehpercayaan mengenai instrumen yang digunakan dalam menentukan kualiti pengajaran menti di Malaysia. Cadangan kajian lanjut adalah untuk menentukan kesahan diskriminan dan kesahan nomologikal.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mengenal pasti keempat-empat subkonstruk kualiti pengajaran menti iaitu perancangan, penyampaian, penilaian dan semakan adalah sepadan dengan data. Selain itu, melalui kajian ini juga analisis pengesahan faktor telah berjaya dilaksanakan dan membuktikan instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Instrumen yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi disyorkan untuk digunakan dalam kajian lanjut dalam konteks yang lain bagi meningkatkan kualiti pengajaran menti di Malaysia.

RUJUKAN

- Adnot, M., Dee, T., Katz, V., & Wyckoff, J. (2016). Teacher turnover, teacher quality, and student achievement in DCPS. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 20(10), 1–23. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Amin, A. M. M., & Othman, N. (2019). Pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti program pembangunan guru baharu (PPGB). *Malaysian Journal of Education*, 44(1), 21-27. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.01-03>
- Afthanorhan, A., Mamun, A. Al, Zainol, N. R., Foziah, H., & Awang, Z. (2020). Framing the retirement planning behavior model towards sustainable wellbeing among youth: The moderating effect of public profiles. *Sustainability (Switzerland)*, 12(21), 1–24. <https://doi.org/10.3390/su12218879>
- Awang, Z. (2015). *SEM made simple: A gentle approach to learning structural equation modelling*. MPWS Rich Resources.
- Batjo, N., & Ambotang, A. S. (2019). Pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 30–42. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i2.189>
- Callahan, D. and Clark, C. (1982). *Teaching in the middle and secondary schools* (2nd edition). Macmillan Printing House.
- Dainton, M. (2000). Maintenance behaviors, expectations for maintenance, and satisfaction: linking comparison levels to relational maintenance strategies. *Journal of Social and Personal Relationships*, 17(6), 827–842. <https://doi.org/10.1177/0265407500176007>
- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research*, 18(1), 39-50. <https://doi.org/10.2307/3151312>
- Hair, J. F., Back, W. C., Babin, B. J. & Rolph, E. A. (2010). *Multivariate data analysis* (7th edition). Prentice Hall.
- Hudson, P., & Bird, L. (2015). Investigating a model of mentoring for effective teaching. *Journal of Teaching Effectiveness and Student Achievement*, 2(2), 11–21. Retrieved from <https://eprints.qut.edu.au/83687/>

- Hudson, P., Usak, M., & Savran-Gencer, A. (2009). Employing the five-factor mentoring instrument: analysing mentoring practices for teaching primary science. *European Journal of Teacher Education*, 32(1), 63–74. <https://doi.org/10.1080/02619760802509115>
- Holmes-Smith, H., Coote, L. & Cunningham, E. (2006). *Structural and equation modeling: From the fundamentals to advanced topics*. School Research, Evaluation and Measurement Services.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017). *Buku Panduan Pengurusan DTP 3.0*. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH).
- KPM. (2016). *Laporan tahunan 2015. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. KPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM.
- KPM. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.
- Mohd Adzhar, M. A., & Mohd Radzi, N. (2020). Kualiti guru dan penguasaan Bahasa Cina murid sekolah kebangsaan di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(4), 1–19.
- Mohd Nor, N., & Abdul Razak, A. Z. (2021). Leadership as a priority area of school improvement. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 34(2), 16-30.
- Neuman, L. W. (2002). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Allyn and Bacon.
- Poobalan, G., Ramlee, Z., Talip, R., & Kaliappan, S. (2021). A model of school improvement specialist coaches (SISC+) in development teaching professionalism: a conceptual review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i6/10080>
- Sarwar, H., Ishaq, M. I., Amin, A. & Ahmed, R. (2020). Ethical leadership, work engagement, employees' well-being, and performance: A cross-cultural comparison. *Journal of Sustainable Tourism*, 28(12), 2008–2026, <https://doi.org/10.1080/09669582.2020.1788039>
- Stringer, M., & Irwing, P. (1998). Students' evaluations of teaching effectiveness: A structural equation modeling. *British Journal of Educational Psychology*, 68, 409-426. <https://doi.org/10.1111/J.2044-8279.1998.TB01301.X>
- Yang, Q. (Candy), Orrego Dunleavy, V., & Phillips, J. R. (2016). Are you satisfied? Exploring the mediating effects of mentoring communication strategies in predicting chinese international graduate students' program satisfaction. *Communication Education*, 65(2), 182–203. <https://doi.org/10.1080/03634523.2015.1090005>